SOALAN NO. : 164

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Datuk Jumat bin Idris [Sepanggar]

SOALAN:

Datuk Jumat bin Idris [Sepanggar] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan bilakah Kementerian bercadang untuk meluluskan cadangan pembesaran Sungai Mansiang dan Sungai Rampayan di Sepanggar, dan bilakah ianya boleh dilaksanakan memandangkan Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah telah mengemukakan permohonan peruntukan pencegahan banjir sejak tahun lalu lagi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia akan mengemukakan satu projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Rampayan Lembangan Sungai Menggatal dalam *Rolling Plan* Satu (RP1) RMKe-11 yang akan menelan belanja RM45.5 juta. Projek ini bertujuan menaiktaraf dan mengawal aliran sungai termasuk pembesaran Sungai Rampayan di Kampung Rampayan Laut yang secara tidak langsung mendatangkan faedah kepada Sungai Mansiang di Kampung Mansiang yang terletak di bahagian hulu Sungai Rampayan.

Sekian, terima kasih.

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : YB. DATUK JUMAT BIN IDRIS
[SEPANGGAR]

SOALAN : 165

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah Kementerian mempunyai cadangan untuk membekalkan kemudahan air bersih di Kawasan Dun Inanam yang terletak di kawasan Parlimen Sepanggar yang meliputi 8 buah kampung di kawasan Telipok, 17 Kg. Di kawasan Menggatal dan 21 Kg. Di kawasan Inanam dengan anggaran 21,000 orang yang hingga ke hari ini hanya bergantung kepada air graviti.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah memperuntukan sejumlah RM1.95 billion dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) untuk pelaksanaan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Negeri Sabah.

Berdasarkan semakan Jabatan Air Negeri Sabah (JANS), kebanyakkan kampung di DUN Inanam telah mempunyai bekalan air paip terutamanya penduduk yang tinggal di kawasan tanah rendah. Hanya penduduk di kawasan tanah tinggi yang masih belum menerima bekalan air paip sepenuhnya. Sehubungan itu, permohonan ini akan diselaraskan dengan senarai pelaksanaan projek yang dicadangkan untuk pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).

Walau bagaimanapun, pelaksanaannya tertakluk kepada senarai keutamaan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan peruntukan yang diluluskan Kerajaan.